

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8260

SOALAN:

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan alasan menolak permit kepada perhimpunan Bersih 4.0 sebaliknya memberikan permit kepada Perhimpunan Baju Merah pada 16 September 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan tidak pernah menghalang sebarang perhimpunan yang diadakan oleh mana-mana pihak selagi perhimpunan tersebut memenuhi kehendak yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA) dan perhimpunan tersebut tidak menjejaskan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam.

Pihak PDRM tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi kehendak Akta Perhimpunan Aman 2012.

Di samping itu, pihak polis tidak membenarkan Perhimpunan BERSIH 4 diadakan atas sebab tidak mematuhi dan memenuhi kehendak Akta berkenaan kerana pihak penganjur enggan memindahkan tempat berhimpun dan bertegas untuk mengadakannya di lokasi yang tidak dibenarkan serta lokasi tersebut tidak mendapat persetujuan daripada pemilik premis atau tempat berkenaan.

Dalam perkara 10 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Namun hak ini

tertakluk kepada apa-apa sekatan yang Parlimen dapati perlu atau memberi manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam melalui undang-undang yang dibuat oleh Parlimen. Dengan wujudnya Akta Perhimpunan Aman 2012, terdapat beberapa syarat atau sekatan dikenakan bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diinginkan dan paling penting adalah menjaga keamanan dan ketenteraman awam.